

‘Rugi kalau beri cuti 23 Oktober’

KUALA LUMPUR – Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) menyifatkan cuti pada 23 Oktober ini satu keputusan yang merugikan, satu faktor yang menyebabkan sebahagian besar majikan meneruskan polisi dengan menetapkan hari itu sebagai hari bekerja.

Pengerusi Eksekutif MEF, Shamsuddin Bardan berkata, majikan hanya boleh menetapkan tarikh tersebut hari cuti jika ia telah dirancang sejak awal sebagai memastikan operasi syarikat tidak terjejas.

“Kita nak kena ambil kira banyak aspek kalau tutup pada hari itu kerana ia boleh tingkat kos operasi dan menyebabkan kerugian,” katanya.

Shamsuddin mengulas kenyataan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) semalam menyelar tindakan 560,000 majikan kerana

sengaja tidak mengambil peduli cadangan kerajaan supaya 23 Oktober dijadikan cuti umum.

Cuti tersebut adalah untuk memudahkan pekerja merancang jadual balik kampung sempena Aidilfitri.

Sebagai langkah alternatif, Shamsuddin mencadangkan majikan menyarankan pekerja mengambil cuti tahun pada hari tersebut.

“Kita bukan nak membelakangkan saranan kerajaan, tetapi itu hanya cadangan bukannya telah diwartakan.

“Kerajaan ada hak kalau nak tetapkan tarikh tersebut sebagai cuti umum di bawah Seksyen 8 Akta Cuti Umum, tetapi kerajaan tak berbuat demikian dan atas budi bicara kerajaan mereka beri kami pilihan,” katanya.